



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

KARNIVAL MAKANAN WARISAN 1MALAYSIA

**27 FEBRUARI 2016 (SABTU)
Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur**

Bismillahir Rahman Nirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1Malaysia**

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Y.Bhg Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail,
Presiden, Perbadanan Putrajaya**

**YBhg. Dato' Mohd Nadzri bin Osman,
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan**

**YBhg. Datuk Baharom Embi
Ketua Pegawai Eksekutif,**

Tekun Nasional,
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri;

**Ketua-ketua Agensi di bawah Kementerian,
Serta para pegawai kanan Kementerian**

Para Dif-Dif Kehormat yang saya muliakan dan rakan-rakan media.

Hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Wilayah Persekutuan yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, dapat kita bersama-sama berhimpun pada petang ini di Majlis Perasmian **Karnival Makanan Warisan 1Malaysia.**
2. Malaysia merupakan sebuah Negara yang unik yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang umumnya terkenal dengan kepelbagai budaya dan juga makanan warisan yang beraneka jenis dan rasa. Demikian juga setiap negeri mempunyai keunikan dan keistimewaan masing-masing juadah masing-masing. Walau bagaimanapun, di era globalisasi ini makanan warisan semakin mendapat saingan hebat daripada makanan-makanan barat yang mudah didapati dimana saja. Kesibukan dan jadual yang padat penduduk bandar menjadikan makanan segera sebagai pilihan utama kerana menawarkan perkhidmatan pandu lalu yang lebih mudah dan pantas. Makan warisan sedikit sebanyak terkesan dengan situasi. Sebahagian daripada juadah makanan warisan semakin mula dilupakan dan juga jarang

ditemui. Masyarakat khususnya generasi muda semakin tidak kenal dengan kepelbagaian makanan warisan kita.

3. Sehubungan itu, melihat kepada situasi ini Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk mengetengahkan lagi makanan warisan dari seluruh pelusuk tanah air dengan mengumpulkan para penjaja dari serata Malaysia bagi mempromosikan keistimewaan juadah negeri masing-masing di Karnival ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Pengajuran karnival kali ini diadakan bagi meraikan komuniti penjaja dan peniaga kecil bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang disambut pada 1 Februari setiap tahun. Berdasarkan statistik, terdapat lebih 60,000 penjaja dan peniaga kecil berlesen di seluruh Wilayah Persekutuan pada tahun 2015. Komuniti penjaja memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sosio-ekonomi negara, di mana masyarakat bandar banyak bergantung kepada perkhidmatan yang ditawarkan mereka dalam menyediakan kepelbagaian barang dengan harga yang berpatutan. Kesibukan warga kota dalam mengejar masa menjadikan gerai-gerai makanan menjadi pilihan penduduk di ibu kota.
5. Keunikan yang diketengahkan dalam program ini ialah aneka makanan warisan tempatan yang dihidangkan para peniaga

adalah mengikut negeri masing-masing dan mengembalikan keaslian makanan tempatan.

6. Objektif penganjuran Karnival ini jelas ke arah peningkatan taraf hidup dan memberi ruang kepada semua penjaja dan peniaga kecil untuk memartabat dan mempromosikan produk makanan warisan tempatan dan negeri masing-masing. Saya percaya program sebegini akan dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat secara keseluruhannya.
7. Selain itu, karnival ini juga merupakan platform bagi mendedahkan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil dalam penganjuran majlis / program berskala besar disamping memupuk semangat setiakawan dan perpaduan antara ahli persatuan dan komuniti penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan khasnya. Karnival makanan ini menempatkan lebih 100 gerai jualan makanan tradisi dan 20 buah foodtruck. Saya dimaklumkan pelbagai aktiviti menarik sepanjang karnival ini berlangsung antaranya demo masakan oleh Chef-chef terkenal tempatan dan wakil daripada negeri-negeri, persembahan artis-artis budaya dan artis tempatan masa kini, cabutan bertuah, sukan air, permainan tradisional, kuiz, forum agama dan pertandingan memancing akan turut diadakan sepanjang karnival ini berlangsung selama 3 hari bermula 26 sehingga 28 Februari 2016.
8. Selain itu, dengan adanya program ini dapat memupuk semangat dan kerjasama yang erat di antara pihak Kerajaan dengan persatuan-persatuan dan komuniti penjaja dan peniaga kecil di seluruh Wilayah Persekutuan khasnya, dan seterusnya

merapatkan hubungan yang mesra di antara pihak Kerajaan dengan warga kota, pengunjung dan pelancong-pelancong tempatan dan luar Negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Tema bagi penganjuran Karnival Makanan Warisan 1Malaysia pada kali ini adalah “**Makanan Warisan, Hari Ini dan Masa Hadapan**”. Pemilihan tema ini bukan sahaja untuk menonjolkan makanan warisan tradisional Malaysia, malah turut mengetengahkan makanan ‘urban’ dan ‘food truck’ yang menjadi pilihan rakyat di kota pada masa kini. Karnival ini berlangsung selama 3 hari bermula 26 sehingga 28 Februari 2016.
10. Bercakap mengenai makanan ‘urban food’ dan “food truck” ini, Kerajaan menerima maklumbalas mengenai permintaan di kalangan Gen-Y yang ingin melibatkan diri dalam penjajaan berkonsepkan food truck. Justeru itu, Kementerian dan DBKL dengan kerjasama TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan penjaja food truck. Kementerian bermurah hati memberi subsidi sebanyak RM10 ribu kepada peserta program penjaja “food truck” untuk bayaran muka. Manakala TEKUN Nasional merupakan agensi pembiaya pinjaman bagi perolehan food truck ini. Pihak DBKL menyediakan spesifikasi food truck, lesen sementara dan lokasi bagi food truck ini beroperasi. Kerajaan berharap konsep “food truck” ini akan dapat membantu para penjaja meluaskan lagi peluang-peluang perniagaan dan seterusnya meningkatkan ekonomi masing-masing dan sekaligus menyumbang ke arah perkembangan ekonomi Negara.

11. Dalam masa yang sama mengambil kira keadaan lokasi penjajaan yang semakin berkurangan khususnya di Kuala Lumpur ini, “food truck” merupakan salah satu penyelesaian berhubung isu penjaja di persisir jalan dan penjaja haram. Malah Kementerian berharap inisiatif ini akan dapat mengangkat martabat penjaja dan peniaga kecil ke suatu tahap penjajaan yang boleh dibanggakan dan secara langsung juga menyokong hasrat kita untuk mencapai penjaja haram sifar pada tahun 2020.
12. Kementerian sentiasa berusaha memberi sokongan dengan menyediakan peluang latihan dan kursus asas perniagaan bagi membantu para penjaja dan peniaga kecil meningkatkan diri masing-masing. Semua ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa komitment Persatuan - Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil di seluruh Wilayah Persekutuan serta agensi-agensi yang berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Di kesempatan ini Kementerian Wilayah Persekutuan juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada wakil-wakil penjaja daripada Kerajaan Negeri serta penjaja-penjaja dari Wilayah Persekutuan yang turut sudi mengambil bahagian dalam program Karnival ini.
14. Tidak lupa juga, kepada Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan, Persatuan Penjaja dan

Pekedai Bumiputra Wilayah Persekutuan, Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan, Persatuan Peniaga Kecil India Kuala Lumpur/Petaling Jaya, Persatuan Peniaga Cina Petaling Street Wilayah Persekutuan, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya, Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan dengan inisiatif penganjuran Karnival ini. Semoga dengan inisiatif ini, ianya akan menjadi titik tolak untuk kerjasama yang lebih erat dimasa akan datang.

15. Adalah diharapkan agar program ini dapat memberi perspektif baru kepada masyarakat kota terutamanya, terhadap keunikan makanan warisan kita dan para penjaja serta peniaga kecil mendapat manfaat daripadanya. Kenangan manis sepanjang 3 hari berkampung di Taman Tasik Titiwangsa biarlah menjadi kenangan terindah buat kita semua. Saya juga mengharapkan Karnival ini tidak menjadi yang terakhir.
16. **Akhir kata, dengan lafaz “Bismillahir Rahman Nirrahim” saya rasmikan “KARNIVAL MAKANAN WARISAN 1MALAYSIA ” dengan rasminya.**
17. Sekian, **WABILLAHITAUIFIK** **WALHIDAYAH**
WASSALAMUALAIKUM **WARAHMATULLAHI**
WABARAKATUH. Terima kasih.